

# Kejayaan di Sabah meyakinkan BN hadapi pilihanraya

KUALA LUMPUR 22 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kejayaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya Negeri Sabah baru-baru ini, akan memberi keyakinan kepadanya untuk menghadapi pilihanraya kecil di Kelantan dan juga pilihanraya umum akan datang.

Kata beliau, pencapaian tersebut memberi kesan ke atas prestasi BN dalam pilihanraya pada masa-masa akan datang.

Bagaimanapun kata beliau, keadaan di Kelantan adalah berlainan sedikit berbanding di Sabah.

Tampuk kerajaan Negeri Kelantan diambil alih oleh Pas selepas pilihanraya tahun 1990 manakala Sabah pula ditadbir oleh PBS setelah ia keluar daripada BN pada tahun yang sama.

"Masalah di Kelantan adalah berlainan dengan di Sabah. Kita berharap (BN) akan memperolehi kejayaan yang baik," kata beliau kepada para pemberita di sini, hari ini ketika menjawab soalan mengenai kesan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah pada bulan lalu ke atas BN dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang.

BN yang tewas tipis kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam pilihanraya itu, berjaya membentuk kerajaan negeri setelah parti pimpinan

Datuk Joseph Pairin Kitingan kehilangan kerusi majoriti.

Dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Lundang Kelantan pada 29 Mac ini, calon BN, Nik Abdul Rahman Nik Taib dicabar oleh calon Pas, Mohamed Daud.

Mengenai pendirian Malaysia yang memutuskan untuk tidak memberikan kontrak baru kepada syarikat-syarikat Britain, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan mungkin akan menarik balik keputusan itu sekiranya media massa negara berkenaan berhenti daripada menyiarkan laporan berbentuk fitnah dan pembohongan.

Perdana Menteri berkata, keputusan Kabinet yang diputuskan pada bulan lalu akan dipertahankan sehingga media massa Britain berhenti menyiarkan laporan yang tidak berasas mengenai Malaysia.

"Sekiranya anda (media massa) berhenti daripada berbohong, mungkin kami akan mengkaji semula keputusan itu," katanya.

Beliau mengulas mengenai suratnya kepada akhbar perniagaan berpengaruh *Financial Times* pada minggu lalu yang antara lain mempertahankan keputusan kerajaan tidak memberikan sebarang kontrak kerajaan kepada syarikat-syarikat dari Britain.

Perdana Menteri dalam suratnya berkata, "nasi sudah menjadi bubur" dan beliau sendiri berdiri teguh di belakang keputusan kerajaan mengetepikan syarikat-syarikat Britain daripada mendapat kontrak kerajaan.

Dalam suratnya yang memperincikan mengapa Malaysia membuat keputusan itu, Dr. Mahathir berkata, tidak ada kontrak selagi media British menyiarkan pembohongan.

Ditanya mengapa Kerajaan Malaysia mengambil tindakan undang-undang ke atas akhbar yang menyiarkan laporan yang tidak berasas, beliau memberitahu, langkah tersebut tidak akan membawa sebarang faedah kepada negara ini.

"Tindakan itu hanya mengakibatkan akhbar-akhbar British mempunyai ruang untuk menyiarkan pelbagai jenis laporan yang tidak berasas, yang mereka gemar untuk melakukannya," katanya.

*The Sunday Times* pada Januari menyiarkan laporan yang memberi gambaran Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin berasuah.

Beliau berkata, sekiranya Malaysia tidak memberikan sebarang kontrak baru kepada syarikat-syarikat Britain, media massa negara tersebut tidak akan menyiarkan laporan seumpama itu lagi.

P  
3 MAR 1994